



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS HARGA PENGGUNA, MALAYSIA MEI 2025

Malaysia mencatatkan kadar inflasi 1.2 peratus pada Mei 2025, kadar terendah dalam tempoh 51 bulan

PUTRAJAYA, 24 Jun 2025 – Malaysia mencatatkan kadar inflasi 1.2 peratus pada Mei 2025, kadar terendah dalam tempoh 51 bulan dengan mata indeks mencatatkan 134.4 berbanding 132.8 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Trend inflasi rendah yang direkodkan oleh Malaysia sebagai sebuah negara ekonomi terbuka, adalah selari dengan inflasi bagi negara-negara terpilih yang turut mencatatkan peningkatan yang lebih perlahan pada Mei 2025 seperti Eurozone (1.9%), Republic of Korea (1.9%), Indonesia (1.6%) dan Philippines (1.3%), selaras dengan penurunan harga minyak dunia. Penurunan ini turut ditunjukkan melalui Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan, yang mencatatkan penurunan 3.4 peratus pada April 2025. Sektor Perlombongan merupakan penyumbang utama kepada penurunan ini iaitu negatif 17.8 peratus (Mac 2025: -15.0%). Ini disebabkan oleh penurunan dalam Pengekstrakan petroleum mentah (-19.8%). Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini mengenai keluaran **INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP), MEI 2025**.

Kumpulan Makanan & Minuman yang menyumbang 29.8 peratus daripada keseluruhan wajaran IHP meningkat perlahan 2.1 peratus pada Mei 2025 (April 2025: 2.3%). Ini didorong oleh subkumpulan Makanan di rumah yang tidak merekodkan sebarang peningkatan pada Mei 2025 berbanding April 2025 yang meningkat 0.5 peratus. Meskipun begitu, subkumpulan Makanan di luar rumah

menunjukkan peningkatan lebih tinggi, 4.4 peratus berbanding 4.3 peratus pada bulan sebelumnya.

Selain itu, kumpulan Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan, 3.7 peratus (April 2025: 4.1%); Pendidikan, 2.2 peratus (April 2025: 2.3%); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain, 1.7 peratus (April 2025: 2.0%); Rekreasi, Sukan & Kebudayaan, 0.9 peratus (April 2025: 1.3%) dan Minuman Alkohol & Tembakau, 0.6 peratus (April 2025: 0.8%) turut meningkat perlahan pada Mei 2025. Di samping itu, kumpulan Pengangkutan (0.7%) dan Insurans & Perkhidmatan Kewangan (1.5%) meningkat pada kadar yang sama direkodkan pada bulan sebelumnya.

Sementara itu, terdapat kumpulan yang mencatatkan peningkatan lebih tinggi berbanding April 2025 iaitu Restoran & Perkhidmatan Penginapan, 3.0 peratus (April 2025: 2.9%), Kesihatan, 1.1 peratus (April 2025: 0.9%) dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah, 0.2 peratus (April 2025: 0.1%). Sebagai tambahan, Maklumat & Komunikasi dan Pakaian & Kasut masing-masing kekal berada pada jajaran negatif iaitu negatif 5.2 peratus dan negatif 0.2 peratus.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa 59.7 peratus item (342 daripada 573) merekodkan kenaikan harga. Namun begitu, daripada jumlah tersebut, 330 item (96.5%) mencatatkan peningkatan kurang atau sama dengan 10 peratus, manakala 12 item merekodkan kenaikan melebihi 10 peratus pada Mei 2025. Sementara itu, 180 item (31.4%) menunjukkan penurunan dan 51 item kekal tidak berubah, dan sedikit sebanyak mengekang inflasi daripada terus meningkat lebih tinggi.

Inflasi subkumpulan Makanan di rumah tidak merekodkan sebarang perubahan pada Mei 2025. Walaupun inflasi kelas perbelanjaan Makanan sedia dimakan & produk makanan lain tidak terkelas di tempat lain; Ikan & makanan laut lain; Minyak & lemak dan Gula, manisan & pencuci mulut meningkat pada Mei 2025, terdapat juga kelas perbelanjaan yang merekodkan penurunan seperti Sayur-sayuran; Susu, produk tenusu lain & telur; Bijirin & produk bijirin dan Daging yang telah mengimbangi inflasi subkumpulan ini daripada terus meningkat.

Kelas perbelanjaan Sayur-sayuran menurun kepada negatif 5.5 peratus pada Mei 2025 (April 2025: -1.8%). Antara sayur-sayuran yang merekodkan penurunan adalah Bawang merah besar, negatif 24.4 peratus (April 2025: -20.5%); Sawi, negatif 17.3 peratus (April 2025: -5.6%); Timun, negatif 17.2 peratus (April 2025: -2.5%); Sawi jepun, negatif 13.6 peratus (April 2025: -5.9%); Salad, negatif 10.3 peratus (April 2025: 1.4%) dan Bunga kubis, negatif 7.5 peratus (April 2025: -2.7%).

Kadar inflasi bagi kelas perbelanjaan Susu, produk tenusu lain & telur turut berada pada jajaran negatif iaitu negatif 1.9 peratus berbanding negatif 1.3 peratus pada bulan sebelumnya. Susu segar dan Susu penuh krim masing-masing menurun kepada negatif 1.3 peratus dan negatif 2.9 peratus pada Mei 2025. Susu tepung penuh krim turut menurun kepada negatif 3.6 peratus berbanding negatif 1.8 peratus pada bulan April 2025. Subkelas perbelanjaan Telur masih kekal pada kadar negatif iaitu negatif 5.3 peratus (April 2025: -4.7%).

Selain itu, kelas perbelanjaan Daging turut menurun kepada negatif 0.3 peratus pada Mei 2025 (April 2025: -0.1%). Penurunan ini terutamanya disumbangkan oleh Daging lembu tempatan dan Bahagian ayam (sejuk beku) yang masing-masing kekal dalam jajaran negatif iaitu negatif 4.0 peratus (April 2025: -3.9%) dan negatif 4.2 peratus (April 2025: -3.2%). Walau bagaimanapun, Daging ayam segar yang merupakan komponen terbesar (32.6%) dalam kelas perbelanjaan Daging meningkat perlahan kepada 2.0 peratus pada Mei 2025 (April 2025: 2.3%). Berdasarkan pengumpulan data oleh pihak DOSM, purata harga Ayam standard Malaysia pada Mei 2025 adalah RM10.63 sekilogram berbanding RM10.42 sekilogram pada bulan Mei 2024 (April 2025: RM10.37). Manakala, purata harga Ayam standard di Semenanjung Malaysia bagi Mei 2025 adalah RM9.94 sekilogram berbanding RM9.71 sekilogram pada Mei 2024 (April 2025: RM9.63).

Sementara itu, subkumpulan Makanan di luar rumah meningkat pada kadar yang lebih tinggi kepada 4.4 peratus berbanding 4.3 peratus pada April 2025. Antara item yang mencatatkan kenaikan pada Mei 2025 ialah Nasi babi panggang, 5.3 peratus (April 2025: 5.0%); Stimbot, 5.0 peratus (April 2025: 3.3%); Masakan laut selain ikan,

4.3 peratus (April 2025: 4.0%); Nasi ayam, 3.4 peratus (April 2025: 3.2%); Kuih-muih, 3.4 peratus (April 2025: 3.1%) dan Masakan ikan, 3.3 peratus (April 2025: 3.0%).

Inflasi bagi kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain meningkat perlahan 1.7 peratus pada Mei 2025 berbanding 2.0 peratus pada April 2025. Ini didorong oleh subkumpulan Sewa sebenar untuk kediaman dan Bekalan air & pelbagai perkhidmatan berkaitan dengan rumah kediaman dengan masing-masing meningkat perlahan kepada 1.9 peratus (April 2025: 2.3%) dan 0.5 peratus (April 2025: 0.9%). Manakala, Penyelenggaraan, pembaikan & keselamatan rumah kediaman mencatatkan peningkatan lebih tinggi pada 4.9 peratus (April 2025: 4.7%).

Sementara itu, kumpulan Kesihatan meningkat pada kadar lebih tinggi 1.1 peratus pada Mei 2025 berbanding 0.9 peratus pada bulan sebelumnya. Ia disumbangkan oleh peningkatan bagi subkumpulan Perkhidmatan penjagaan pesakit luar kepada 2.9 peratus (April 2025: 2.8%), Perkhidmatan penjagaan pesakit dalam hospital, 1.7 peratus (April 2025: 1.2%) dan Ubat-ubatan & produk kesihatan, 0.6 peratus (April 2025: 0.5%). Namun, subkumpulan Perkhidmatan kesihatan lain meningkat dengan kadar lebih rendah 4.2 peratus (April 2025 4.7%).

Selain itu, inflasi Pengangkutan kekal meningkat 0.7 peratus bagi tempoh empat bulan berturut-turut. Walaupun subkumpulan Perkhidmatan pengangkutan awam mencatatkan peningkatan 1.3 peratus (April 2025: -2.8%), namun ia diimbangi dengan peningkatan lebih perlahan subkumpulan Pengurusan peralatan pengangkutan persendirian kepada 0.6 peratus pada Mei 2025 berbanding 0.9 peratus pada April 2025. Antara item yang merekodkan kenaikan lebih perlahan pada Mei 2025 ialah Perkhidmatan penyelenggaraan kereta, 4.8 peratus (April 2025: 5.0%) dan Perkhidmatan mencuci kereta, 3.7 peratus (April 2025: 4.3%).

Seiring dengan perubahan harga pasaran minyak dunia, harga bahan api Diesel pada Mei 2025 mencatatkan peningkatan perlahan 12.4 peratus (April 2025: 15.0%). Purata harga Diesel di Semenanjung Malaysia adalah RM2.81 seliter berbanding RM2.15 seliter pada Mei 2024 (April 2025: RM2.95). Manakala, purata harga Diesel bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan kekal pada RM2.15 seliter. Manakala, Petrol tanpa plumbum RON97 masih kekal pada jajaran negatif iaitu

negatif 10.4 peratus (April 2025: -6.3%). Purata harga Petrol tanpa plumbum RON97 pada Mei 2025 ialah RM3.11 seliter berbanding RM3.47 seliter pada Mei 2024 (April 2025: RM3.25).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah, berhubung dengan inflasi di peringkat negeri, 11 negeri merekodkan peningkatan di bawah paras inflasi nasional, 1.2 peratus dengan Kelantan merekodkan peningkatan terendah sebanyak 0.3 peratus pada Mei 2025. Walau bagaimanapun, lima negeri merekodkan peningkatan melebihi paras inflasi nasional iaitu Johor (1.8%), Negeri Sembilan (1.6%), Selangor (1.5%), Melaka (1.5%) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1.4%). Kesemua negeri mencatatkan peningkatan inflasi Makanan & Minuman. Peningkatan ini dicatatkan oleh Negeri Sembilan iaitu 3.4 peratus, diikuti oleh Wilayah Persekutuan Putrajaya (3.1%), Selangor (2.9%), Terengganu (2.6%), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2.6%), Johor (2.4%), Wilayah Persekutuan Labuan (2.4%), Melaka (2.3%) dan Sabah (2.1%), manakala, negeri-negeri lain menunjukkan peningkatan di bawah paras inflasi nasional bagi Makanan & Minuman (2.1%) pada Mei 2025.

Inflasi keseluruhan secara bulanan meningkat 0.1 peratus pada Mei 2025 berbanding April 2025. Peningkatan ini didorong oleh Restoran & Perkhidmatan Penginapan (0.4%); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (0.3%); manakala, kedua-dua Kesihatan dan Pendidikan meningkat 0.2 peratus. Selain itu, Makanan & Minuman; Minuman Alkohol & Tembakau dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah masing-masing meningkat 0.1 peratus. Sementara itu, penurunan pada Pengangkutan (-0.2%), Maklumat & Komunikasi (-0.1%) dan Rekreasi, Sukan & Kebudayaan (-0.1%), sedikit sebanyak mengimbangi inflasi ini daripada terus meningkat. Inflasi teras menyederhana kepada 1.8 peratus pada Mei 2025 berbanding bulan sebelumnya (2.0%). Peningkatan ini didorong oleh Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (3.7%); Pendidikan (2.2%); Pengangkutan (2.1%) dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (2.1%).

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15)

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Selasa, 24 Jun 2025**

yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.


OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
24 JUN 2025**


Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Selasa, 24 Jun 2025

Carta 1 Inflasi Bulanan Malaysia, Januari 2011 – Mei 2025




Nota: *Purata inflasi bagi tempoh Januari 2011 hingga Mei 2025

Carta 2 Inflasi Malaysia, Inflasi Teras dan Inflasi Tanpa Bahan Api, Mei 2024 – Mei 2025



Carta 3 Inflasi bagi Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, Mei 2024 – Mei 2025




Carta 4

Inflasi Suku Tahunan Malaysia, ST1 2011 – ST1 2025




Carta 5

Inflasi Tahunan Malaysia, 2011 - 2024




Carta 6

Inflasi mengikut Kuadran, April 2025 & Mei 2025




Carta 7

Taburan Inflasi Makanan dan Bukan Makanan yang Meningkat $\leq 10\%$, April 2025 & Mei 2025



Carta 8


Purata Harga Petrol Tanpa Plumbum RON95, Petrol Tanpa Plumbum RON97 dan Diesel, Mei 2024 – Mei 2025



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Selasa, 24 Jun 2025


Carta 9

Inflasi mengikut Kumpulan Utama, April 2025 & Mei 2025



Carta 10


Inflasi bagi Makanan & Minuman, Mei 2024 – Mei 2025



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Selasa, 24 Jun 2025

Carta 11

Inflasi mengikut Negeri, April 2025 & Mei 2025




Nota: W.P. merujuk kepada Wilayah Persekutuan

April 2025 | Mei 2025

Carta 12

Inflasi bagi Negara Terpilih, Mei 2024 – Mei 2025




Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Selasa, 24 Jun 2025


Carta 13

Harga Komoditi Terpilih Global


Minyak Mentah (US\$/bbl)




Gas Asli (Indeks 2010=100)




Minyak Sawit Mentah (US\$/mt)




Jagung (US\$/mt)




Daging (US\$/kg)




Daging Ayam (US\$/kg)




Kacang Soya (US\$/mt)




Gandum (US\$/mt)



Gula (US\$/kg)



Minyak Kelapa (US\$/mt)



■ Harga komoditi dunia (AS\$) — Peratus perubahan tahun ke tahun

Sumber: Commodity Monthly Prices, World Bank

Nota:


Bbl : Brazilian Butt Lift (barrel) (1bbl = 159 litres)

Mt : Million Tonne

Mmbtu : Metric Million British Thermal Unit

Carta 14

Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan, Malaysia



Carta 15

Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor (Tahun ke Tahun), Malaysia

